

Headline **Penghidap Aids dibenar ke China**
Date **29 Apr 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **39**
Article Size **283 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,003**
PRValue **18,009**



Penghidap Aids dibenar ke China

PBB sambut baik keputusan tamatkan diskriminasi hukum hanya menghampakan usaha global membendung Aids. Saya menggesa semua negara dengan larangan seumpama itu menariknya balik.”

BELJING: China secara rasmi semalam menarik balik larangan masuk ke negara itu oleh warga asing yang menghidap Aids/HIV, dua hari sebelum ia membuka pintunya bagi pelawat dari seluruh dunia untuk mengunjungi Ekspo Dunia Shanghai.

Selain Aids, peraturan China melarang rakyat asing yang menghidap penyakit psikiatrik, kusta, penyakit jangkitan seksual, tibi atau penyakit berjangkit lain daripada memasuki negara itu.

Majlis Negeri, Kabinet China mengeluarkan pindaan perintah berkenaan yang menarik balik larangan terhadap mereka yang mempunyai Aids atau dijangkiti HIV dan juga sesiapa yang menghidap kusta selain membiarkan kepada pihak berkuasa menentukan penyakit yang boleh mencetuskan larangan ke negara itu.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyambut baik keputusan itu dan menyifatkan ia sebagai langkah penting ke arah menamatkan diskriminasi terhadap mereka yang menghidap HIV.

“Saya memuji Presiden Hu Jantao kerana keputusan China menarik balik larangan perjalanan berdasarkan status HIV,” kata Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon dalam satu kenyataan.

“Dasar dan amalan meng-

hukum hanya menghampakan usaha global membendung Aids. Saya menggesa semua negara dengan larangan seumpama itu menariknya balik.”

Larangan perjalanan yang dilaksanakan oleh berpuluh negara di seluruh dunia, tidak menghalang penyebaran penyakit atau melindungi kesihatan awam, kata kenyataan terbabit.

Peraturan baru China yang dihantar melalui laman web kerajaan masih lagi menghalang rakyat asing dengan penyakit psikiatrik bahaya, tibi atau penyakit berjangkit lain yang mungkin menjadi ancaman kepada kesihatan umum daripada memasuki negara itu.

Ekspo Dunia Shanghai bermula Sabtu ini dan akan berlangsung selama enam bulan.

Beberapa negara dari Amerika Syarikat hingga ke Korea Utara membina pavilion masing-masing di atas tapak di sebuah taman di Shanghai bagi menyambut anggaran 100 juta pengunjung selama ekspo itu diadakan. - Reuters/AFP

“Saya memuji Presiden Hu Jantao kerana keputusan China menarik balik larangan perjalanan berdasarkan status HIV”

Ban Ki-moon
Setiausaha Agung PBB

Headline **Penghidap Aids dibenar ke China**
Date **29 Apr 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **39**
Article Size **283 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,003**
PRValue **18,009**



ANAK patung besar dibina di dalam pavilion Sepanyol pada Ekspo Dunia Shanghai, China.